

Pemuda Umno perhebat gerakan kutuk Tel Aviv

*Suara keadilan
kita cetuskan jadi
besar sehingga
mereka akur"*

Hishammuddin Hussein
Ketua Pergerakan Pemuda Umno

KUALA LUMPUR: Pergerakan Pemuda Umno akan memperhebatkan gerakan sejagat mengutuk kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin dan Lubnan sehingga rejim Zionis itu dibawa ke pengadilan antarabangsa.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata walaupun Israel dituntut menghentikan segera serangan terhadap Lubnan dan Palestin sekarang, dunia tidak boleh membiarkan jenayah kemanusiaan dilakukan Tel Aviv dengan sokongan negara kuasa besar selama ini tanpa tindakan.

"Kita tidak tuntutan keamanan lagi, kita tuntutan lebih daripada itu. Apa guna gencatan senjata apabila ramai rakyat Palestin dan Lubnan sudah dibunuh. Apa guna diserahkan askar Israel jika ramai lagi rakyat Palestin dan Lubnan masih ditahan.

"Apa guna kempen memerangi keganasan antarabangsa jika penganas sebenarnya ialah

Amerika Syarikat dan Israel," katanya berucap di depan lebih 2,000 ahli Pemuda Umno pada majlis pelancaran Liga Pemuda Umno di Stadium Bola Sepak Jalan Raja Muda di sini, petang semalam.

Hadir sama, Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin serta anggota Exco dan Ketua Pemuda Negeri.

Kelmarin, Khairy mengetuai kira-kira 5,000 ahli Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) dan rakyat pelbagai kaum berarak dari Masjid KLCC ke lima pejabat perwakilan negara Anggota Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi menunjukkan bantahan serta menyerahkan memorandum terhadap kekejaman Israel.

Sambil memuji perarakan bantahan itu, Hishammuddin berkata, tindakan itu hanya permulaan kepada gerakan lebih besar.

Beliau menggelar Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan, sebagai bacul dan Amerika se-

bagai boneka Zionis berkata, rejim Israel yang angkuh dan kejam bagaikan dajal dan syaitan itu perlu diajar.

"Suara keadilan yang kita cetuskan akan jadi besar sehingga mereka akan akur kepada kehendak kita," katanya.

Pada sidang media kemudian, Hishammuddin berkata, Pemuda Umno membawa gerakan mengutuk Israel itu pada peringkat antarabangsa sehingga PBB bertindak terhadap Israel.

Katanya, Amerika dan kuasa besar lain sudah lama menjadi boneka Israel dan membiarkan rejim Zionis melakukan keganasan terhadap rakyat Palestin dan Lubnan.

"Kita tuntutan lebih daripada itu, kita mahu membawa Israel ke muka pengadilan. Kalau dunia membenarkan kekejaman Israel berleluasa, bermakna gencatan senjata itu mengiyakan tindakan Israel selama ini," katanya.

Oleh Wan Hazmir Bakar